

Kerajaan Selangor halang projek naik taraf sistem pengairan

# Petani bakal hadapi krisis

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**  
kota@utusan.com.my

**TANJONG KARANG** 14 Okt. - Lebih 1,800 petani di kawasan Barat Laut Selangor dijangka berhadapan dengan krisis tanaman pada masa depan.

Keadaan itu berikutan sikap Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor yang didakwa menghalang kerajaan Pusat melaksanakan projek menaiktaraf pengairan pertanian di negeri ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, tindakan kerajaan negeri terbukti menerusi pelaksanaan projek mendalamkan Sungai Tengi dan penyelenggaraan terusan Ban Canal yang dilaksanakan kementeriannya melalui Lembaga Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut yang keseluruhannya menelan kos sebanyak RM10 juta.

Jelasnya, projek tersebut dilaksanakan bagi mengatasi masalah kekurangan air untuk penanaman padi membabitkan kawasan barat laut negeri ini meliputi Tanjong Karang, Sekinchan dan Sabak Bernam.

“Bagaimanapun, kerajaan negeri sebelum ini telah mengeluarkan arahan supaya kerja-kerja mendalamkan sungai dan menyelenggara



**NOH Omar menunjukkan keadaan tanaman padi yang rosak akibat diserang penyakit ketika lawatannya ke Tanjong Karang, Selangor, kelmarin** - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

terusan berkenaan dihentikan kononnya tidak mengikut peraturan,” katanya kepada pemberita di sini.

Malah katanya, kerajaan negeri juga menyita sembilan buah jentera selain mengenakan saman terhadap kementerian sebanyak RM150,000

sebelum ini.

“Akhirnya, projek mendalamkan sungai serta menyelenggara terusan tersebut yang sepatutnya siap pada tahun ini terpaksa ditangguhkan. Kerajaan Pusat telah memperuntukan RM10 juta untuk membantu para

petani di Selangor, soalnya mengapa kerajaan negeri perlu menghalang projek untuk kepentingan petani ini daripada diteruskan,” katanya.

Pada masa sama, Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang menyatakan, pihaknya telah menjelas-

kan jumlah saman tersebut kepada kerajaan negeri bagi memastikan projek mendalamkan Sungai Tengi dan menyelenggara terusan Ban Canal dapat diteruskan dengan segera.

Selain projek mendalamkan sungai dan penyelenggaraan terusan tersebut, Noh turut menyatakan kerajaan negeri juga sekali lagi menghalang kerajaan Pusat daripada melaksanakan projek kolam takungan pengairan padi di kawasan Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam apabila mereka enggan meluluskan permit membawa masuk tanah dan batuan untuk kerja-kerja pembinaan kolam tersebut.

Jelasnya, kolam takungan tersebut berkeluasan 80 hektar dan bernilai RM26 juta itu sekiranya siap mampu menyediakan 1.5 juta meter padu air untuk pengairan penanaman padi di kawasan Barat Laut negeri ini.

“Projek kolam takungan ini sepatutnya siap pada tahun ini tetapi terpaksa ditangguhkan kerana sikap kerajaan negeri. Kalau permit membawa tanah dan batuan tidak dikeluarkan kerajaan negeri, lagi lambat projek ini dapat disiapkan.

“Malah sejak 2009 sehingga hari ini, projek tersebut masih dalam keadaan 45 peratus siap. Kerajaan negeri terlalu banyak berpolitik, akhirnya yang menderita adalah rakyat,” ujarnya.